



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

# **Kemudahan Pembiayaan Dalam Perolehan Kerajaan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PK6 KEMUDAHAN PEMBIAYAAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN ....</b>	<b>2</b>
<b>1. Kaedah Pemfaktoran.....</b>	<b>2</b>
(i) Urusan Pemfaktoran Bagi Kontrak Bekalan Dan Perkhidmatan..	2
(ii) Peraturan Dan Cara-Cara Pembayaran Secara Pemfaktoran .....	2
(iii) Urusan Pemfaktoran Bagi Kontrak Kerja Requisition/Sebut Harga yang Melibatkan Satu Bayaran Sahaja.....	4
<b>2. Surat Iktan Penyerahan Hak (Dengan Cara Sekuriti Bagi Pembayaran Kontrak) Dan Surat Persetujuan Kerajaan Kepada Surat Iktan Penyerahan Hak .....</b>	<b>6</b>
<b>3. Skim Pembiayaan Kontrak Oleh Mara Dalam Perolehan Kerajaan .....</b>	<b>6</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>8</b>

## PK6 KEMUDAHAN PEMBIAYAAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

### 1. Kaedah Pemfaktoran

#### (i) Urusan Pemfaktoran Bagi Kontrak Bekalan Dan Perkhidmatan

- (a) Bayaran bil melalui kaedah pemfaktoran merupakan satu kemudahan kewangan kepada kontraktor/pembekal yang mendapat kontrak bekalan atau perkhidmatan Kerajaan. Kaedah ini dibenarkan dalam urusan perolehan Kerajaan dengan syarikat-syarikat pemfaktor yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Contoh pengiraan menggunakan kaedah ini adalah seperti di [Lampiran 6.1](#).

#### (ii) Peraturan Dan Cara-Cara Pembayaran Secara Pemfaktoran

- (a) Di dalam melaksanakan pemfaktoran ini agensi Kerajaan hendaklah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Kontrak khusus bagi perolehan secara Tender/Sebut Harga/Pembelian Terus

- (i) Kontraktor/pembekal yang menerima pesanan/mendapat kontrak bekalan atau perkhidmatan dengan Kerajaan hendaklah membuat perjanjian dengan syarikat pemfaktor yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk menfaktorkan bil-bil barangan/perkhidmatan yang akan dibuat kepada Kerajaan.

- (ii) Kontraktor/pembekal akan menghantar surat pemberitahuan seperti di [Lampiran 6.2](#) kepada Jabatan Kerajaan yang berkenaan untuk memaklumkan bahawa kontrak tersebut telah difaktorkan dengan menyalinkan perjanjian tersebut. Pegawai yang bertanggungjawab membuat perolehan tersebut akan menandatangani surat pemberitahuan ini di ruangan yang berkenaan menyatakan persetujuannya kepada urusan ini.

- (iii) Semasa membuat penghantaran, setiap invoice yang dikemukakan oleh kontraktor/pembekal serta salinan asal borang pesanan Kerajaan akan dicop memberitahu bahawa pesanan/kontrak tersebut telah difaktorkan dan pembayaran ke atasnya hendaklah dibuat kepada syarikat pemfaktor berlesen yang dinamakan seperti contoh di **Lampiran 6.2** dan **Lampiran 6.3**. Bagi pesanan Kerajaan secara berkala, salinan asal hanya perlu dikemukakan pada pembayaran yang pertama manakala bagi bayaran seterusnya salinan yang disahkan adalah boleh diterima.
- (iv) Agensi akan membuat pembayaran ke atas perolehan bekalan/perkhidmatan tersebut seperti mana diarahkan dan setiap pembayaran oleh agensi kepada syarikat pemfaktoran adalah dianggap sebagai bayaran kepada kontraktor/pembekal untuk kontrak tersebut selagi ianya belum dibatalkan secara bertulis dengan persetujuan kedua-dua belah pihak (syarikat pemfaktor/pembekal).

## 2. Kontrak Pusat

- (i) Kontraktor/pembekal yang mendapat kontrak untuk membekalkan barangan secara Kontrak Pusat dan mengikat perjanjian pemfaktoran hendaklah menghantar surat pemberitahuan seperti di **Lampiran 6.2** kepada Kementerian Kewangan. Surat pemberitahuan hendaklah menyatakan pegawai yang bertanggungjawab bagi perolehan tersebut perlu menyatakan persetujuan kepada urusan tersebut. Sebelum persetujuan ke atas urusan ini, pegawai berkenaan mesti memastikan kontrak tidak pernah diserahkan kepada mana-mana pihak.
- (ii) Pegawai yang bertanggungjawab perlu menyatakan bahawa kontrak tersebut telah difaktorkan dan arahan bayaran untuk kontrak tersebut hendaklah dibuat kepada syarikat pemfaktor yang dinamakan seperti di cop di atas invoice seperti di **Lampiran 6.3** dan borang pesanan.

- (iii) Agensi akan membuat pembayaran ke atas bekalan/perkhidmatan tersebut seperti mana arahan bagi setiap pembayaran oleh agensi kepada syarikat pemfaktor. Bayaran ini merupakan juga bayaran kepada Kontraktor/pembekal untuk kontrak tersebut selagi ianya belum dibatalkan secara bertulis dengan persetujuan kedua-dua belah pihak (pembekal/kontraktor dengan syarikat pemfaktor).
  - (b) Urusan pemfaktoran sesuai dilaksanakan di awal kontrak. Walau bagaimanapun, ia boleh dipohon di peringkat pertengahan kontrak dengan syarat semua peraturan yang telah ditetapkan adalah dipatuhi sepenuhnya.
  - (c) Sebelum menandatangani surat pemberitahuan yang menyatakan persetujuan kepada urusan pemfaktoran, pegawai yang bertanggungjawab mesti memastikan kontrak berkenaan belum pernah diserahkan kepada mana-mana pihak sekalipun.
  - (d) Syarat-syarat lain mengenai urusan pemfaktoran yang perlu dipatuhi ialah:
    - 1. Surat pemberitahuan di **Lampiran 6.2** hendaklah ditandatangani dalam tiga (3) salinan iaitu untuk simpanan agensi, kontraktor/pembekal dan syarikat pemfaktor. Hanya surat pemberitahuan seperti ini boleh ditandatangani oleh agensi Kerajaan. Sebarang pindaan kepada surat pemberitahuan ini tidak dibenarkan tanpa persetujuan Kementerian Kewangan; dan
    - 2. Satu kontrak pemfaktoran hanya untuk satu kontrak sahaja dan urusan pemfaktoran tamat apabila kontrak berkenaan tamat dan bayaran bagi kontrak tersebut telah diselesaikan.
- (iii) Urusan Pemfaktoran Bagi Kontrak Kerja Requisition/Sebut Harga yang Melibatkan Satu Bayaran Sahaja**
- (a) Bagi kerja *Requisition*/sebut harga yang melibatkan satu bayaran sahaja kaedah pemfaktoran perjanjian dilakukan dengan cara kontraktor mengadakan satu pemfaktoran dengan satu syarikat pemfaktor yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan kontraktor memfaktorkan kepada syarikat pemfaktor itu. Tatacara ini hanya memerlukan kontraktor dan syarikat pemfaktor menandatangani satu perjanjian pemfaktoran dan mendapat kelulusan Pegawai Penguasa bagi bayaran yang difaktorkan kepada syarikat berkenaan.

- (b) Kerajaan adalah tidak terikat kepada kadar faedah atau syarat-syarat lain yang telah dibuat di antara pihak kontraktor dan syarikat pemfaktor.
- (c) Prosedur pelaksanaan bagi urusan ini adalah seperti berikut:
1. Kontraktor yang berminat untuk menggunakan kaedah bayaran secara pemfaktoran hendaklah mengemukakan surat permohonan untuk memfaktor bayaran *Requisition/Sebut harga* dengan menggunakan borang di **Lampiran 6.4** berserta satu salinan perjanjian pemfaktoran kepada Pegawai Penguasa Projek pada bila-bila masa selepas surat setuju terima *Requisition/Sebut harga* ditandatangani;
  2. Pegawai Penguasa hendaklah memberi keputusannya dengan menggunakan **Lampiran 6.4** yang sama;
  3. Apabila kerja telah disiapkan dan bayaran diperakukan oleh Pegawai Penguasa, tiga (3) salinan borang *requisition/inden* termasuk yang asal yang hendak difaktorkan hendaklah dicop oleh syarikat pemfaktor dengan Tanda Pemfaktoran; dan
  4. Apabila Pegawai Penguasa menerima kembali semua salinan borang *requisition/inden* yang telah dicop dengan Tanda Pemfaktoran, Pegawai Penguasa hendaklah menandatangani setiap borang tersebut sebagai menandakan bahawa Pegawai Penguasa telah mengambil maklum dan mengesahkan persetujuannya atas urusan pemfaktoran tersebut sebelum mengemukakannya kepada Bahagian Kewangan atau Pembayaran. Contoh cop Pegawai Penguasa adalah seperti di bawah ini:

**Contoh Cop Pegawai Penguasa**

<b>Saya telah mengambil maklum dan mengesahkan persetujuan terhadap urusan pemfaktoran ini.</b>	
.....	.....
<b>Tandatangan dan cop Pegawai Penguasa/atau wakilnya</b>	<b>Tarikh</b>

## 2. Surat Ikatan Penyerahan Hak (Dengan Cara Sekuriti Bagi Pembayaran Kontrak) Dan Surat Persetujuan Kerajaan Kepada Surat Ikatan Penyerahan Hak

- (i) Surat ikatan penyerahan hak (*Deed of Assignment*) di antara kontraktor dan bank/*Credit Guarantee Corporation* (CGC) merupakan satu kemudahan untuk mendapatkan kemudahan urusan bank sehingga satu nilai yang tidak melebihi nilai kontrak yang munasabah. Kemudahan ini bertujuan membantu pihak kontraktor mendapatkan bantuan kewangan dalam melaksanakan kontrak dengan Kerajaan. Sebagai balasan Kerajaan membenarkan penyerahan hak ini, semua pembayaran yang kena dibayar kepada penyerah hak diserahkan kepada bank berkenaan.
- (ii) Surat ikatan penyerahan hak ini dibenarkan untuk kontrak-kontrak kerja sahaja. Kebenaran yang diberi oleh Kerajaan hendaklah tertakluk kepada terma/syarat tertentu. Bentuk surat ikatan penyerahan hak adalah seperti di [Lampiran 6.5](#) dan kebenaran Kerajaan kepada bank berhubung dengan penyerahan hak ini adalah seperti di [Lampiran 6.6](#).

## 3. Skim Pembiayaan Kontrak Oleh Mara Dalam Perolehan Kerajaan

- (i) Skim pembiayaan kontrak oleh MARA (**Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres – SPIKE**) adalah kemudahan tambahan untuk semua perolehan Kerajaan dan meliputi bekalan, perkhidmatan dan kerja. Melalui skim ini, kontraktor yang memperolehi kontrak Kerajaan boleh memohon untuk memperolehi pinjaman daripada MARA.
- (ii) Peraturan Dan Kaedah Bayaran Bagi Perolehan Kerajaan:
  - (a) Kerajaan membenarkan semua bayaran yang kena dibayar kepada penyerah hak diserahkan kepada MARA tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam **Surat Ikatan Serah Hak**. Semua pembiayaan melalui skim MARA ini hendaklah menggunakan format Surat Ikatan Serah Hak seperti di [Lampiran 6.7](#) dan kebenaran Kerajaan kepada MARA berhubung dengan penyerahhak ini adalah seperti di [Lampiran 6.8](#).

- (b) Sebelum menandatangani surat persetujuan Kerajaan kepada urusan penyerahhakkan, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan kontrak berkenaan belum pernah diserahkan kepada mana-mana pihak lain.
- (iii) Pihak kontraktor yang ingin mendapatkan kemudahan pembiayaan ini perlu berhubung terus dengan pihak MARA bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pembiayaan ini seperti butiran berikut:

Bahagian Pembiayaan Perniagaan  
Tingkat 8, Ibu Pejabat MARA  
21, Jalan Raja Laut  
50609 Kuala Lumpur.



# LAMPIRAN

**CONTOH PENGIRAAN KAEDAH PEMFAKTORAN**

1. Pembekal yang mendapat perkhidmatan pemfaktoran, mengemukakan invoice bernilai RM300,000.00 kepada syarikat pemfaktor lengkap dengan Nota Hantaran yang ditandatangani oleh Jabatan mengesahkan penerimaan bekalan tersebut. Syarikat pemfaktoran membayar wang pendahuluan 80% dari nilai invoice dan Rizab 20% akan dibayar selepas pembayaran sepenuhnya diterima dari Jabatan berkenaan. Contoh pengiraan kaedah pemfaktoran adalah seperti di bawah:-

**Contoh**

Nilai Invoice	:	RM300,000.00
*Tempoh Pembayaran	:	60 hari
Wang Pendahuluan	:	80%
Rizab	:	20%
** Faedah	:	10% setahun atau 0.83% sebulan
** Bayaran Khidmat	:	1%

**KIRAAN BAYARAN WANG PENDAHULUAN:**

Wang Pendahuluan	:	RM300,000.00 x 80% = RM240,000.00
Tolak Bayaran Khidmat	:	RM300,000.00 x 1% = <u>RM 3,000.00</u>
		RM237,000.00

**KIRAAN FAEDAH:**

$$RM237,000 \times \frac{10}{100} \times \frac{60}{365} = RM3,895.89$$

**KIRAAN PULANGAN BALIK**

$$RM60,000.00 (20\%) - RM3,895.89 = \underline{RM56,104.11}$$

- \* Tempoh pembayaran dikira berdasarkan kepada bilangan hari yang diambil oleh Jabatan/Kementerian membuat bayaran.
- \*\* Kadar faedah dan kadar bayaran perkhidmatan ini tertakluk kepada persetujuan pembekal dan pemfaktor semasa mengikat perjanjian.

**CONTOH SURAT PEMBEKAL**

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun

.....  
 .....  
 .....  
 .....

Tuan,

**Per: PEMBERITAHUAN MENGENAI URUSAN PEMFAKTORAN,****TAJUK KONTRAK : .....****NO. KONTRAK : .....**

Adalah dimaklumkan bahawa di dalam melaksanakan kontrak tersebut di atas, kami telah, melalui satu Perjanjian Pemfaktoran bertarikh \_\_\_\_\_ mendapat perkhidmatan pemfaktoran daripada (Syarikat Pemfaktor). Melalui perkhidmatan pemfaktoran tersebut, kami akan memfaktorkan invois jualan kami di bawah kontrak tersebut kepada (Syarikat Pemfaktor). Setiap invois yang terlibat akan dicop seperti berikut :-

Invois ini telah dijual dan pindahmilik kepada  
 MAFA FACTORING BHD.  
 Sila bayar terus kepada:

MAFA FACTORING BERHAD  
MAYBANK BERHAD. AKAUN NO.08883-0210054-07  
Jalan Raja, Kuala Lumpur

A/C No: .....

(Satu salinan Perjanjian Pemfaktoran berkenaan dilampirkan)

2. Maka dengan ini kami, tertakluk kepada syarat-syarat mengenai pembayaran di bawah kontrak tersebut, membuat arahan agar segala bayaran yang perlu dibuat terhadap invois-invois tersebut hendaklah terus dibayar kepada (syarikat pemfaktor), sehingga arahan ini dibatalkan oleh kami secara bertulis dengan persetujuan syarikat pemfaktoran.

3. Apa-apa bayaran yang dibuat oleh Kerajaan kepada (syarikat pemfaktor) di bawah arahan ini hendaklah dianggap di sisi undang-undang seolah-olah bayaran itu dibuat kepada kami di bawah kontrak tersebut dan merupakan satu penyelesaian yang cukup dan sah bagi tanggungan Kerajaan terhadap bayaran di bawah kontrak itu.

4. Arahan bayaran tersebut tidaklah dengan apa jua cara memudaratkan atau menyentuh apa-apa hak Kerajaan terhadap kami di bawah kontrak tersebut.

5. Kami dengan ini mengesahkan bahawa sebelum ini kami tidak pernah membuat arahan yang sama terhadap kontrak yang sama bagi faedah lain-lain syarikat pemfaktor atau institusi-institusi kewangan yang lain.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

Nama :

Jawatan :

- i) Tertakluk kepada syarat-syarat yang tersebut di atas, kami bersetuju untuk membuat bayaran seperti yang diarahkan.
- ii) Tertakluk kepada syarat-syarat yang tersebut di atas, kami bersetuju supaya semua bayaran bagi Kontrak No. .... dibuat terus kepada ..... A/C No. .... (dengan syarat rujukan akaun ini dicatitkan di atas tiap-tiap invoice, sijil akuan penerimaan dan bil-bil)

Nama :

Jawatan :

Jabatan/Kementerian :

- 
- i) Untuk kontrak khusus/Sebut harga/Pembelian Runcit, Jabatan/Kementerian; dan
  - ii) Untuk Kontrak Pusat Kementerian Kewangan.

**CONTOH INVOIS PEMBEKAL**

**SYARIKAT MAJU BERHAD.  
112, Jalan Raja  
50000 Kuala Lumpur.**

**No. :**  
**D/O No. :**  
**Date :**  
**Terms :**  
**Your Order No:**

<b>NO.</b>		<b>Unit Price</b>	<b>Amount (RM)</b>

**E & O.E**

**For Syarikat Maju Berhad.**

**Invois ini telah dijual dan pindahmilik kepada MAFA FACTORING BERHAD.  
Sila jelaskan bayaran terus kepada:**

**MAFA FACTORING BERHAD  
MAYBANK BERHAD. AKAUN NO.08883-0210054-07  
Jalan Raja, Kuala Lumpur**

**CONTOH SURAT KONTRAKTOR**

..... RUJ. KONTRAKTOR:  
.....  
.....

Tuan,

**MEMOHON KELULUSAN MEMFAKTOR BAYARAN**

**TAJUK KERJA:** .....

.....

.....

**NO. REQUISITION/SEBUT HARGA\* :** .....

Adalah dimaklumkan bahawa di dalam melaksanakan *Requisition/Sebut Harga\** tersebut di atas, kami telah menandatangani satu Perjanjian Pemfaktoran bertarikh ..... untuk mendapat perkhidmatan pemfaktoran daripada .....

(isikan nama syarikat pemfaktor)

Perjanjian ini akan hanya berkuat kuasa setelah mendapat kelulusan tuan. Satu salinan Perjanjian Pemfaktoran berkenaan dilampirkan.

2. Maka dengan ini, tertakluk kepada syarat-syarat mengenai pembayaran di bawah *requisition/sebut harga\** tersebut, pihak Kerajaan adalah dikehendaki membuat segala bayaran yang kena dibayar kepada Kami di bawah *requisition/sebut harga\** tersebut terus kepada .....

(isikan nama syarikat pemfaktor)

---

\* potong mana yang tidak berkenaan

Borang *requisition/inden\** yang berkenaan akan dicopkan dengan Tanda Pemfaktoran seperti berikut:

**Requisition/Borang Inden\* No.....**

**telah dijual dan dipindah milik kepada**

.....

(isikan nama syarikat pemfaktor)

**Mengikut Perjanjian Pemfaktoran Ruj.....**

..... bertarikh .....

**Sila bayar terus kepada Syarikat**

**Pemfaktor tersebut atas no. akaun .....**

.....

3. Apa-apa bayaran yang dibuat oleh Kerajaan kepada ..... hendaklah dianggap di sisi undang-undang seolah-olah bayaran itu dibuat kepada Kami di bawah terma-terma dan syarat-syarat *Requisition/Sebut Harga\** No..... dan merupakan satu penyelesaian yang cukup dan sah bagi tanggungan Kerajaan terhadap Kami bersabit bayaran yang berkenaan di bawah *requisition/sebut harga\** tersebut.

4. Apa-apa pembayaran terus yang dibuat kepada ..... oleh Kerajaan tidaklah dengan apa jua cara memudaratkan atau menjejaskan apa-apa hak Kerajaan atau kuasa Pegawai Penguasa di bawah terma-terma dan syarat-syarat *requisition/sebut harga\** tersebut.

5. Sebarang syarat termasuk syarat-syarat mengenai pembayaran faedah atas kelewatan bayaran yang dikenakan oleh ..... kepada Kami di bawah urusan pemfaktoran di atas tidak akan mengikat dan tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan.

6. Kami dengan ini mengesahkan bahawa sebelum ini Kami tidak pernah membuat arahan yang sama terhadap *Requisition/Sebut Harga\** yang sama bagi faedah lain-lain syarikat pemfaktor.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,  
.....

Nama : .....  
 Jawatan : .....  
 Cop syarikat kontraktor,  
 .....

Tertakluk kepada syarat-syarat di atas, Kami bersetuju/tidak bersetuju\* untuk membuat bayaran di bawah *Requisition*/Sebut Harga\* No..... terus kepada syarikat .....atas No. Akaun.....

.....  
Nama :  
Jawatan :  
Jabatan/Kementerian :

---

\* potong mana yang tidak berkenaan



**SURAT IKATAN PENYERAHAN HAK**

**(Dengan cara sekuriti bagi pembayaran kontrak)**

**SURAT IKATAN PENYERAHAN HAK** ini dibuat pada . . . . . 20. . . . .  
 di antara . . . . . suatu Syarikat yang  
 diperbadankan di Malaysia dan mempunyai Pejabat Berdaftarnya di. . . . .  
 . . . . . (kemudian dari ini disebut 'Bank')  
 sebagai pihak yang satu lagi.

**BAHAWASANYA** Penyerah Hak telah diberi oleh Kerajaan Malaysia satu Kontrak  
 bagi . . . . . (kemudian dari  
 ini disebut 'Kontrak') bernilai sebanyak . . . . .  
 . (RM ) dan mengikut terma-terma Kontrak nilai penuhnya sebanyak . . . . .  
 . . . . . (RM ) adalah kena dibayar oleh Kerajaan Malaysia melalui . . . . .  
 . . . . . (kemudian dari ini disebut 'wakil berkuasa Kerajaan') sebaik sahaja  
 terlaksananya Kontrak dengan memuaskan hati.

**DAN BAHAWASANYA** Kerajaan Malaysia melalui wakil berkuasa Kerajaan telah  
 memberi surat kebenarannya bertarikh. . . . . berkenaan dengan penyerahan hak  
 semua pembayaran yang kena dibayar kepada Penyerah Hak kepada Bank (surat tersebut  
 dikembalikan bersama-sama ini sebagai **Lampiran 6.6**).

**DAN BAHAWASANYA** Penyerah Hak telah meminta Bank mengadakan kemudahan  
 urusan Bank untuk membolehkan Penyerah Hak melaksanakan Kontrak itu dan Bank telah  
 bersetuju untuk mengadakan kemudahan urusan bank sehingga jumlah wang sebanyak  
 Ringgit . . . . . (RM ) (kemudian dari ini disebut 'Wang  
 Pokok') dengan faedah atasnya mengikut kadar . . . . . peratus ( %) setahun atau  
 mengikut apa-apa kadar atau kadar-kadar lain yang difikirkan patut oleh Bank.

**MAKA SURAT IKATAN INI MENYAKSIKAN** seperti berikut :-

- |                              |  |
|------------------------------|--|
| Sekatan ke atas Surat Ikatan | 1. Terma Surat Ikatan Penyerahan Hak ini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dalam memberi kebenarannya mengenai penyerahan hak ini.   |
| Penyerahan Hak               | 2. Sebagai balasan kepada pihak Bank yang menurut budi bicara mutlakny memberi pendahuluan kepada Penyerah Hak dari semasa ke semasa sejumlah wang tertentu yang jumlahnya tidak melebihi Wang Pokok sebanyak Ringgit . . . . . (RM ) Penyerah Hak dengan mutlakny menyerahkan kepada Bank tersebut semua wang, termasuk faedah dan hak, yang kini atau selepas ini adalah genap masa atau kena dibayar kepada Penyerah Hak oleh . . . . . |

	..... di bawah Kontrak itu tertakluk kepada kewajipan pihak Penyerah Hak yang terkandung dalam Kontrak itu.
Perlaksanaan menurut kontrak	3. Penyerah hak dengan ini berwaad dan mengaku janji bahawa dia akan melaksanakan dan menyempurnakan semua kewajipan dan tanggungjawab dan mematuhi semua terma dan syarat yang terkandung dalam kontrak dan akan selanjutnya melepaskan Bank dari apa-apa kerugian, kerosakan atau tuntutan yang ditanggung oleh Bank akibat dari kemungkinan Penyerah Hak melaksanakan peruntukan dalam Fasal ini.
Tak bayar balik atau pembayaran balik tak cukup	4. Sekiranya tiada wang atau faedah diterima oleh Bank menurut penyerahan hak di bawah Fasal 2 di atas, atau jika wang yang diterima sebenarnya tidak menyelesaikan sepenuh Wang Pokok itu serta faedah atasnya, kesemua Wang Pokok dan faedah atau sebahagian daripadanya yang masih belum dibayar itu adalah kena dibayar balik dengan serta-merta.
Pembayaran balik	5. Semua wang dan faedah yang diterima oleh Bank menurut penyerahan hak di bawah Fasal 2 di atas adalah untuk pembayaran balik kemudahan-kemudahan urusan Bank yang diberikan kepada Penyerah Hak dan apa-apa pengurangan hendaklah mengikut cara yang dipersetujui dan ditetapkan oleh Bank.
Pengeluaran resit	6. Penyerah Hak seterusnya berwaad bahawa apa-apa resit yang dikeluarkan oleh Bank berkenaan dengan apa-apa pembayaran yang dibuat oleh wakil berkuasa Kerajaan seperti yang dinyatakan sebelum ini adalah pelepasan yang memadai dan sah akan penyerahan hak di bawah Fasal 2 setakat pembayaran itu.
Amaun berlebihan	7. Sekiranya Bank menerima apa-apa wang yang berlebihan dari Wang Pokok dan faedah terakru atasnya mengikut . . . . peratus ( %) setahun atau mengikut apa-apa kadar atau kadar-kadar lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlaknya maka Bank bersetuju memulangkan apa juga lebih setelah ditolak semua perbelanjaan sampingan yang perlu kepada Penyerah Hak dengan serta-merta atau dengan seberapa segera yang praktik.
Bayaran Kemajuan	8. Wang Pokok hendaklah dibayar secara berperingkat-peringkat kepada Bank bila-bila sahaja sijil pembayaran kemajuan diberi kepada kami oleh wakil berkuasa Kerajaan dengan tertakluk kepada hak Bank menurut budi bicaranya sendiri untuk menarik semula kemudahan itu bila diminta.

- |  |   |
|--|---|
| Hak untuk mengambil tindakan undang-undang   | 9. Adalah dipersetujui selanjutnya bahawa Surat Ikatan Penyerahan Hak ini tidak menyentuh hak Bank untuk mengambil tindakan undang-undang pada bila-bila masa terhadap Penyerah Hak untuk mendapatkan semula kemudahan urusan Bank atau mana-mana bahagiannya serta faedah atasnya. |
| Wasi-wasi, pentadbir-pentadbir dan lain-lain | 10. Surat ikatan Penyerahan Hak ini hendaklah mengikat wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, waris-waris, penerima serah hak dan pengganti-pengganti pihak kepada Surat ikatan Penyerahan Hak ini.  |
| Perbelanjaan sampingan                       | 11. Adalah selanjutnya dipersetujui bahawa apa-apa perbelanjaan sampingan termasuk perbelanjaan peguam (atas asas peguam dan pelanggan) bagi Surat Ikatan ini dan cukai setem adalah ditanggung oleh Penyerah Hak.  |

**PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS** pihak-pihak kepada Surat Ikatan ini telah menurunkan tandatangan dan mohor mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak )

)  
)  
)  
)

oleh wakilnya

Oleh  
dihadapan

)  
)  
)

DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak )

)  
)  
)

oleh wakilnya

Oleh  
dihadapan

)  
)  
)  
)

(versi Bahasa Inggeris)

**DEED OF ASSIGNMENT**

**(By way of security for contract payments)**

**THIS DEED OF ASSIGNMENT** is made the ..... day of .....  
. 20. .... between ..... a Company incorporated  
in Malaysia and having its Registered Office .....  
..... (hereinafter called 'the Assignor') of the one part and .....  
..... of .....  
.....  
(hereinafter called the 'Bank') of the other part.

**WHEREAS** the Assignor has been awarded by the Government of Malaysia a  
Contract to .....  
..... (hereinafter called 'the contract')  
to the value of ..... (RM ) and under  
the terms of the Contract the full value of .....  
..... (RM ) is payable by the Government of Malaysia through the .....  
.....  
(hereinafter called 'the Government's authorised representative') on the satisfactory  
performance of the Contract.

**AND WHEREAS** the Government of Malaysia through the Government's authorised  
representative has given its approval in a letter dated. .... for the assignment of  
all contract payments and payable to the Assignor to the Bank (said letter is attached hereto  
as **Lampiran 6.6**).

**AND WHEREAS** the Assignor has requested the Bank to provide Banking facilities to  
enable the Assignor to perform the Contract and the Bank has agreed to provide Banking  
facilities up to the sum of Ringgit ..... (RM )  
(hereinafter called 'the Principal Sum') with interest thereon at the rate of ..... percent  
( % ) per annum or at such other rate or rates as the Bank thinks fit.

**NOW THIS DEED WITNESSETH** as follows :-

- |                      |    |  |
|----------------------|----|--|
| Restrictions on deed | 1. | The terms of this Deed of Assignment shall be subject to the terms and conditions imposed by the Government of Malaysia in granting its approval to this assignment.                               |
| Assignment           | 2. | In consideration of the Bank at its absolute discretion advancing to the Assignor from time to time various sums of money ciumulatively not exceeding the Principal Sum of Ringgit ..... (RM ) the |

- Assignor absolutely assigned to the Bank all moneys, interests and rights, now or hereafter become due and payable to the Assignor . . . . . under the terms of the Contract subject to the obligations on the part of the Assignor contained in the Contract.
- |                                |    |   |
|--------------------------------|----|---|
| Performance under the Contract | 3. | The Assignor hereby covenants and undertakes that he shall perform and execute all his obligations and duties and comply with all the terms and conditions contained in the Contract and shall further indemnify the Bank against any loss, damage or claims suffered by the Bank as a result of the Assignor's breach of the provision in this Clause.   |
| Non or insufficient payment    | 4. | In the event that no moneys or interest is received by the Bank under the assignment under Clause 2 above, or if the moneys actually received do not fully satisfy the Principal Sum with interest thereon the whole Principal Sum and interest or part thereof that remained unpaid shall become due and immediately repayable.  |
| Payment                        | 5. | All moneys and interest received by the Bank under the assignment under Clause 2 above, shall be towards the repayment of Banking facilities granted to the Assignor and such reduction shall be in the manner agreed and stipulated by the Bank.   |
| Receipt issued                 | 6. | The Assignor further covenants that any receipt issued by the Bank in respect of any payment made by the Government's authorised representative as hereinbefore mentioned shall be a sufficient and valid discharge of the assignment under Clause 2 to the extent of such payment.   |
| Excess amount                  | 7. | In the event of the Bank receiving any moneys in excess of the Principal Sum and the accrued interest thereon at . . . . . . . . . . percent ( % ) per annum or such other rate or rates as may have been fixed by the Bank from time to time at its absolute discretion the Bank agrees to refund after deducting all the necessary incidental expenses any such excess to the Assignor forthwith or as soon as it is practicable. |
| Progress payment               | 8. | The Principal Sum shall be paid progressively to the Bank as and when the certificate of progress payment is supplied to us by the Government's authorised representative subject to the Bank's right at its own discretion to recall the facility on demand.   |
| Right to legal action          | 9. | It is further agreed that this Deed of Assignment is without prejudice to the right of the Bank to take legal action at any time against the Assignor for the recovery of the Banking facilities or any part thereof together with interest thereon.  |

Executors, administrators etc. 10. This Deed of Assignment shall be binding upon the executors, administrators, heirs, assignees and successors of the parties hereto.

Incidental charges 11. It is further agreed that any incidental charges including the legal fees (on a solicitor and client basis) to this Deed and the stamp duty thereof shall be borne by the Assignor.

**IN WITNESS WHEREOF** the parties hereto have hereunto set their hands and seals on the day and year first above written.

SIGNED for and on behalf of )  
)  
) by its Attorney  
)  
)

by  
in the presence of )  
)  
)  
)

SIGNED for and on behalf of )  
)  
) by its Attorney  
)

by  
in the presence of )  
)  
)

.....  
.....  
.....

(Nama dan Alamat Kementerian/Jabatan)

**SURAT PERSETUJUAN KERAJAAN**  
**KEPADA SURAT IKATAN PENYERAHAN HAK**  
**KONTRAK NO. : .....**  
**KERJA : .....**

Saya merujuk kepada surat .....  
..... bertarikh ..... mengenai Surat  
Ikatan Penyerahan Hak daripada Pemborong Induk (*Main Contractor*) .....  
..... kepada .....  
.....

2. Di sini saya menyampaikan persetujuan Kerajaan berkenaan dengan penyerahan hak tersebut seperti yang terkandung dalam Surat Ikatan Penyerahan Hak dengan tertakluk kepada syarat-syarat berikut : -

- (a) Apa-apa kewajipan yang dikenakan ke atas Kerajaan melalui Surat Ikatan Penyerahan Hak tidaklah dengan apa jua cara memudaratkan atau menyentuh apa-apa hak Kerajaan atau kuasa Pegawai Penguasa di bawah terma-terma dan syarat-syarat Kontrak Induk No. ....  
..... untuk ..... (kerja) termasuk yang berhubungan dengan pemborong-pemborong kecil yang dilantik atau pembekal-pembekal yang dilantik.
- (b) Apa-apa pembayaran yang dibuat kepada ..... (Bank) selepas ditolak pembayaran yang mesti di bayar kepada mana-mana kontraktor-kontraktor kecil atau pembekal-pembekal yang dilantik hendaklah dianggap di sisi undang-undang seolah-olah pembayaran itu dibuat kepada Pemborong Induk ..... di bawah terma-terma Kontrak Induk No. .... (kerja).
- (c) Apa-apa wang yang dibayar oleh Kerajaan kepada Bank yang tersebut di atas di bawah perenggan (b) adalah satu penyelesaian yang cukup dan sah bagi tanggungan Kerajaan terhadap pembayaran di bawah kontrak tersebut.
- (d) Kerajaan dengan ini mengesahkan bahawa ia belum menerima notis mengenai apa-apa penyerahan hak sebelum ini berhubungan dengan kerja-kerja yang dinyatakan dalam Fasal 1 di atas di dalam Kontrak Induk No. ....

..... dan juga ia tidak pernah memberi persetujuan tentang apa-apa penyerahan hak yang lain berhubungan dengan kerja-kerja seperti itu dalam kontrak tersebut.

Sila akui penerimaan surat ini dan sahkan setuju terima oleh .....  
..... (Bank) dan Kontraktor akan terma-terma tersebut di atas dengan menandatangani salinan surat ini dan kembalikannya kepada saya.

Yang benar,

.....  
.....

Jabatan : .....

Kami mengaku menerima dan mengesahkan persetujuan kami akan terma-terma yang dikenakan ke atas Surat Ikatan Penyerahan Hak.

.....  
**(Pemborong Induk)**

.....  
**(Bank)**

Kepada :

.....  
.....  
.....  
.....



(Versi Bahasa Inggeris)

.....  
.....  
.....

**(Name and Address of Ministry/Department)**

**GOVERNMENT’S ASSENT TO DEED OF ASSIGNMENT**

**CONTRACT NO. :** .....

**WORK :** .....

I refer to your letter .....  
dated ..... regarding Deed of Assignment from the Main Contractor  
..... to .....

2. This is to convey the Government’s assent to the said assignment as contained in the Deed of Assignment subject to the following terms : -

- (a) Any obligation imposed upon the Government by the Deed of Assignment shall not in any way prejudice or affect any rights of the Government or powers of the Superintending Officer under the terms and conditions of the Main Contract No. .... for ..... (work) including those relating to nominated sub-contractors or suppliers.
- (b) Any payments made to ..... (the Bank) after deductions of payment due to any nominated sub-contractors or suppliers shall be treated legally as if they are paid to the Main Contractor ..... No. .... for .....(works).
- (c) Any moneys paid by the Government to the abovenamed Bank under Paragraph (b) shall be a sufficient and valid discharge of the Government’s liability to the extent of such payment under the said Contract.
- (d) The Government hereby confirms that it has not received notice of any previous assignment relating to the work as specified in Clause 1 above in the

Main Contract No. . . . . nor has it  
given consent to any other assignment relating to such work in such contract.

Kindly acknowledge receipt of this letter and confirm acceptance by the . . . . .  
. . . . . (Bank) and Contractor to the abovementioned terms by appending your signature  
and return the same to me.

Yours Faithfully,

. . . . .  
. . . . .

Department : . . . . .

We acknowledge receipt and confirm our agreement to the above terms imposed on  
the Deed of Assignment.

. . . . .  
**(Main Contractor)**

. . . . .  
**(Bank)**

To :

. . . . .  
. . . . .  
. . . . .  
. . . . .

## **SURAT IKATAN SERAH HAK (PEMBIAYAAN MARA)**

**SURAT IKATAN** ini diperbuat pada tarikh yang dinyatakan dalam bahagian 1, **JADUAL** kepada Surat Ikatan ini DI ANTARA **MAJLIS AMANAH RAKYAT**, suatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, dan beralamat di Ibu Pejabat MARA, Medan MARA, No. 21, Jalan Raja Laut, 50609 Kuala Lumpur [selepas daripada ini disebut "MARA"] sebagai pihak Pertama DAN pihak-pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan dalam bahagian 2, **JADUAL** kepada Surat Ikatan ini [kemudian daripada ini disebut "Penyerah Hak"] sebagai pihak kedua.

**BAHAWASANYA** Penyerah Hak telah ditawarkan kontrak oleh yang nama dan butir-butirnya dinyatakan dalam bahagian 3, **JADUAL** kepada Surat Ikatan ini [selepas daripada ini disebut "Pemberi Kontrak"] suatu kontrak yang butir-butirnya dinyatakan dalam bahagian 4, **JADUAL** Surat Ikatan ini [selepas daripada ini disebut "Kontrak Tersebut"] yang bernilai dalam jumlah seperti mana yang dinyatakan dalam bahagian 5, **JADUAL** kepada Surat Ikatan ini dan nilai sepenuhnya akan dibayar oleh Pemberi Kontrak setelah Kontrak tersebut dilaksanakan dengan memuaskan.

**DAN BAHAWASANYA** Penyerah Hak telah memohon kepada MARA pembiayaan di bawah konsep.....untuk membolehkan Penyerah Hak melaksanakan Kontrak Tersebut dan MARA telah bersetuju membiayai dalam jumlah yang dinyatakan dalam bahagian 6, **JADUAL** kepada Surat Ikatan ini berserta keuntungan ke atasnya dikira atas kadar yang ditentukan kemudian daripada ini.

**MAKA SURAT IKATAN INI ADALAH MENYAKSIKAN** seperti yang berikut:

1. Sebagai balasan bagi MARA atas budi bicara mutlaknyanya mendahulukan dalam semasa ke semasa kepada dan/atau bagi pihak Penyerah Hak berbagai-bagai jumlah wang yang pada keseluruhannya tidak melebihi had pembiayaan dalam jumlah yang dinyatakan dalam bahagian 6, **JADUAL** Surat Ikatan ini dan keuntungan ke atasnya atas kadar yang dinyatakan dalam bahagian 7 **JADUAL** Surat Ikatan ini dikira mengikut baki harian atau atas kadar atau kadar-kadar lain yang MARA fikirkan patut [selepas daripada ini disebut "Pembiayaan Tersebut"].
  - (a) Penyerah Hak dengan mutlaknyanya menyerahkan hak kepada MARA segala wang, kepentingan dan hak yang sekarang atau selepas ini kena dibayar dan akan dibayar kepada Penyerah Hak oleh Pemberi Kontrak di bawah Kontrak Tersebut tertakluk kepada tanggungan Penyerah Hak terkandung dalam Kontrak Tersebut.
  - (b) Penyerah Hak dengan ini berwaad dan memberi pengakuan bahawa ia akan menyempurnakan dan melaksanakan semua kewajipan dan tanggungan dan mematuhi segala syarat dan peruntukan terkandung dalam Kontrak Tersebut dan akan melepaskan tanggungan MARA daripada apa-apa kerugian kerosakan atau tuntutan yang dialami oleh MARA disebabkan oleh kemungkinan Penyerah Hak ke atas peruntukan Fasal ini.
2. Jika sekiranya tidak ada wang atau kepentingan yang diterima atau kena diterima oleh MARA di bawah serah hak yang disebut di bawah Fasal 1 di atas, atau wang yang sebenarnya diterima oleh MARA tidak melunaskan Pembiayaan Tersebut,

- kesemua wang atau baki yang belum bayar hendaklah kena dibayar dengan sertamerta.
3. Semua wang yang diterima oleh MARA di bawah Fasal 1 di atas adalah untuk pembayaran balik Pembiayaan Tersebut yang diberi kepada Penyerah Hak dan segala potongan hendaklah dengan cara yang dipersetujui dan ditetapkan oleh MARA.
  4. Penyerah Hak seterusnya berwaad bahawa apa-apa resit yang dikeluarkan oleh MARA ke atas apa-apa bayaran yang dibuat oleh Pemberi Kontrak yang disebut sebelum ini adalah penyelesaian yang mencukupi dan sah.
  5. Jika sekiranya MARA menerima wang yang berlebihan dari Pembiayaan Tersebut, MARA akan membayar balik apa-apa lebihan kepada Penyerah Hak dengan sertamerta atau secepat yang praktik **DENGAN SYARAT BAHAWA** MARA tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kelewatan dalam membayar balik.
  6. Adalah seterusnya dipersetujui bahawa Surat Ikatan ini tidak menjejaskan hak-hak MARA untuk mengambil tindakan undang-undang pada bila-bila masa ke atas Penyerah Hak untuk mendapatkan balik wang Pembiayaan Tersebut atau apa-apa bahagiannya dengan keuntungan ke atasnya.
  7. Surat Ikatan ini hendaklah mengikat wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, waris-waris, pemegang serah hak dan pengganti-pengganti kedua-dua pihak.
  8. Penyerah Hak dengan ini memberi pengakuan akan membayar balik kepada MARA apabila dituntut semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman MARA atas asas Peguamcara - Klien dalam mengambil tindakan untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik Pembiayaan Tersebut terhutang oleh Penyerah Hak kepada MARA atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Surat Ikatan.
  9. Duti setem yang kena dibayar berkaitan dengan Surat Ikatan ini bagi Pembiayaan akan ditanggung oleh Penyerah hak.
  10. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain :
    - (a) "Bulan" bermaksud bulan takwim.
    - (b) Perkataan yang memberi maksud bilangan tunggal adalah juga termasuk bilangan banyak dan di mana terdapat dua orang atau lebih daripada ungkapan "Penyerah Hak", maka waad-waad yang dinyatakan untuk dibuat oleh Penyerah Hak hendaklah disifatkan sebagai dibuat oleh dan berkuat kuasa ke atas orang-orang yang tersebut secara bersesama dan berasingan.
  11. Adalah seterusnya dipersetujui bahawa Jadual kepada Surat Ikatan ini hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian dari Perjanjian ini.

**PADA MENYAKSIKAN PERKARA-PERKARA DI ATAS**, kedua-dua pihak dengan ini menurunkan tandatangan masing-masing pada hari dan tahun yang tertulis di atas.

Ditandatangani bagi pihak ]  
**MAJLIS AMANAH RAKYAT** ]  
Di hadapan:

Nama:  
Cop Rasmi Jawatan:

Ditandatangani oleh Penyerah Hak ]  
]

Nama:  
No. K/P:  
Di hadapan:

Nama:  
No. K/P:  
Cop Rasmi Jawatan:  
Alamat:

] ]  
Ditandatangani oleh Penyerah Hak ]  
]

Nama:  
No. K/P:  
Di hadapan:

Nama:  
No. K/P:  
Cop Rasmi Jawatan:  
Alamat: ]  
]

Ditandatangani oleh Penyerah Hak

Nama:  
No. K/P:  
Di hadapan:

Nama:  
No. K/P:  
Cop Rasmi Jawatan:  
Alamat:

Ditandatangani oleh Penyerah Hak ]  
] ]

Nama:  
No. K/P:  
Di hadapan:

Nama:  
No. K/P:  
Cop Rasmi Jawatan:  
Alamat:

**JADUAL**  
(Yang hendaklah dibaca dan ditakrifkan sebagai  
bahagian penting Perjanjian ini)

No. Bahagian	Perkara	Keterangan
1	Tarikh Perjanjian	
2	Penyerah Hak :	Nama:  No. Kad Pengenalan:
3	Pemberi Kontrak :	Nama:  Alamat:
4	Butir-butir Kontrak :	
5	Nilai Kontrak :	Ringgit Malaysia:.....
6	Jumlah Pembiayaan :	Ringgit Malaysia:.....  (RM..... .....)
7	Kadar Keuntungan :	.....(.....%) setahun

Kepada,

Bahawasanya saya/kami

.....

yang bertandatangan di bawah ini telah

ditawarkan

.....  
.....

bagi tujuan .....

Bahawasanya saya/kami telah membuat serah hak kontrak/inden di atas kepada MAJLIS AMANAH RAKYAT beralamat di .....

.....  
.....

sebagai balasan bagi suatu pembiayaan dan pinjaman berjumlah Ringgit Malaysia:

.....  
.....(RM.....)

Dengan ini saya/kami memberikan kuasa yang tidak boleh batal kepada tuan untuk membayar kepada Majlis Amanah Rakyat semua wang yang kena dibayar kepada Majlis Amanah Rakyat mengikut syarat di bawah kontrak/inden tersebut dan bayaran-bayaran tersebut adalah dianggap bayaran yang mencukupi dan sah bagi jumlah wang yang wajar saya/kami terima di bawah kontrak/inden tersebut.

Bertarikh:.....hb.....20.....

.....

( )

No. K/P: .....



.....  
.....  
.....

(Nama dan Alamat Kementerian/Jabatan)

**SURAT PERSETUJUAN KERAJAAN  
KEPADA SURAT IKATAN SERAH HAK  
(PEMBIAYAAN MARA)**

**KONTRAK NO: .....**

Saya merujuk kepada surat .....  
bertarikh ..... mengenai Surat Ikatan Serah Hak daripada Syarikat/ Pemborong  
Induk (*Main Contractor*) .....  
kepada .....

2. Di sini saya menyampaikan persetujuan Kerajaan berkenaan dengan Penyerahhakkan tersebut seperti yang terkandung dalam Surat Ikatan Serah Hak dengan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) Apa-apa kewajipan yang dikenakan ke atas Kerajaan melalui Surat Ikatan Serah Hak tidaklah dengan apa jua cara memudaratkan atau menyentuh apa-apa hak Kerajaan atau kuasa Pegawai Penguasa di bawah terma-terma dan syarat-syarat Kontrak No. .... untuk ..... (bekalan/perkhidmatan/kerja) termasuk yang berhubung dengan kontraktor-kontraktor kecil yang dilantik atau pembekal-pembekal yang dilantik.
  - (b) Apa-apa pembayaran yang dibuat kepada MARA selepas ditolak pembayaran yang mesti dibayar kepada mana-mana kontraktor kecil atau pembekal-pembekal yang dilantik hendaklah dianggap di sisi undang-undang seolah-olah pembayaran itu dibuat kepada Pemborong Induk/Syarikat ..... di bawah terma-terma Kontrak Induk No. ....
  - (c) Apa-apa wang yang dibayar oleh Kerajaan kepada MARA yang tersebut di atas di bawah perenggan (b) adalah satu penyelesaian yang cukup dan sah bagi tanggungan Kerajaan terhadap pembayaran di bawah kontrak tersebut.
  - (d) Kerajaan dengan ini mengesahkan bahawa ia belum memberi notis mengenai apa-apa Penyerahhakkan sebelum ini berhubung dengan kerja-kerja yang dinyatakan dalam Fasal 1 di atas di dalam Kontrak Induk No..... dan juga ia tidak pernah memberi persetujuan tentang apa-apa Penyerahhakkan yang lain berhubung dengan kerja-kerja seperti itu dalam Kontrak Tersebut.

Sila akui penerimaan surat ini dan sahkan setuju terima oleh MARA dan kontraktor akan terma-terma tersebut di atas dengan menandatangani salinan surat ini dan kembalikannya kepada saya.

Yang benar,

.....  
.....  
.....

Jabatan:.....

Kami mengakui menerima dan mengesahkan persetujuan kami akan terma-terma yang dikenakan ke atas Surat Ikatan Serah Hak.

.....  
(Pemborong Induk)

.....  
MARA

Kepada:

.....  
.....  
.....